

Program mampu rapat jurang pendidikan: Hishammuddin

PUTRAJAYA: Projek perintis pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak yang bertemakan Setiap Anak Adalah Permata atau Permata yang bakal dimulakan tahun depan mampu membantu kanak-kanak lebih bersedia memasuki prasekolah.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata kementeriaannya mengalu-alukan usaha itu yang mampu menyediakan kanak-kanak dengan nilai murni, ilmu dan kemahiran tertentu sebelum melangkah ke alam prase-

kolah di bawah kawal selia kementerian.

"Program Permata yang akan dimulakan di luar bandar, pinggir bandar dan estet, dapat membantu anak keluarga miskin mendapat manfaat serta peluang pendidikan awal yang disediakan.

"Secara langsung, usaha ini merapatkan jurang pendidikan antara yang mampu dan yang tidak mampu sejak di peringkat awal usia," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Tim-

balan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kelmarin bahawa projek perintis Permata itu akan dilancarkan di seluruh negara mulai tahun depan membabitkan peruntukan RM20 juta.

Najib berkata, Kabinet meluluskan peruntukan melancarkan program Permata di setiap negeri yang menasaskan kanak-kanak daripada latar belakang keluarga dan persekitaran berbeza.

Hishammuddin menyambut baik pengumuman itu kerana mengianggap Permata adalah langkah tepat

dalam usaha merealisasikan hasrat misi nasional membangunkan modal insan berkualiti untuk masa akan datang.

Katanya, langkah itu juga adalah persediaan berterusan untuk ke era negara maju menjelang 2020 dengan menjadikan bidang pendidikan sebagai penggerak utama.

"Malah, terbukti bahawa pendidikan seawal usia mampu melahirkan kanak-kanak yang memiliki minda cergas dan mantap serta mudah menerima pelajaran," katanya.